

U B898 AAB  
GANTUNG - RAYUAN  
(I)

KUALA LUMPUR, 6 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD TELAH DIMAKLUMKAN MENGENAI RAYUAN SAAT-SAAT TERAKHIR DARIPADA PERDANA MENTERI AUSTRALIA ENCIK BOB HAWKE YANG MEMINTA PENANGGUHAN HUKUMAN MATI KE ATAS DUA ORANG RAKYAT ASUTRALIA YANG BERSALAH KERANA MENGEDAR DADAH.

+PESURUHJAYA TINGGI ENCIK DAVID EVANS TELAH BERCAKAP DENGAN PERDANA MENTERI MENGENAI PERKARA ITU SEMALAM,+ KATA SEORANG PEGAWAI PEJABAT SURUHANJAYA TINGGI AUSTRALIA DI SINI HARI INI.

KATANYA SURAT ENCIK HAWKE YANG MEMINTA SUPAYA SEMUA PROSES UNDANG-UNDANG DAN HAK DIGUNAKAN SEPENUHNYA SEBELUM HUKUMAN MATI ITU DIJALANKAN, TELAH DIHANTAR KE SRI PERDANA, KEDIAMAN RASMI DATUK SERI DR MAHATHIR DI SINI SEMALAM.

ENCIK EVANS KEMUDIAN TERBANG KE PULAU PINANG UNTUK MENYERAHKAN SURAT YANG SAMA YANG DIALAMATKAN KEPADA YANG DIPERTUA NEGERI.

JOHN KEVIN BARLOW, 28, DAN BRIAN GEOFFREY CHAMBERS, 29, DIJADUALKAN MENJALANI HUKUMAN GANTUNG SAMPAI MATI DI PENJARA PUDU DI SINI ESOK. -- BERNAMA.

1729MST 06 07 86